

**Kuala Lumpur****Santai hujung minggu dalam MRT**

Orang ramai khususnya warga kota mengambil kesempatan hujung minggu, semalam untuk mencuba kemudahan Transit Aliran Massa (MRT) yang memulakan operasi pada Jumaat lalu.

Tinjauan Harian Metro di beberapa stesen MRT turut mendapati ramai yang membawa keluarga keluar ke ibu kota dengan menaiki kemudahan berkenaan.

Peniaga, Jaafar Omar, 47, berkata, dia sememangnya menunggu hujung minggu untuk membawa isteri dan anak mencuba MRT biarpun jauh dari rumahnya yang terletak di Ulu Klang.

“Kemudahan MRT sangat memudahkan mereka yang tinggal di Sungai Buloh dan bekerja di Kuala Lumpur.

“Koc yang luas dan tidak mengambil masa lama untuk tiba di setiap destinasi tanpa perlu harungi kesesakan lalu lintas,” katanya.



**ORANG** ramai mengambil kesempatan cuti hujung minggu menaiki MRT.

Nurfatihah Mansor, 30, menyifatkan kemudahan MRT sebagai berita gembira untuk warga kota yang sering berdepan masalah kesesakan lalu lintas khususnya pada waktu puncak.

“Saya dah cuba laluan dari rumah dan ke tempat kerja pada hari ini (semalam) dan ternyata saya boleh menjimatkan masa sekurang-kurangnya 30 minit berbanding memandu dari Kuala Lumpur ke Sungai Buloh,” katanya.

Sementara itu, Presiden dan

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz berkata pihaknya menjangkakan bilangan penumpang akan mencecah 160,000 orang sehari bermula Januari depan.

Katanya, beliau yakin bilangan penumpang yang akan menggunakan pengangkutan baru itu bertambah dari semasa ke semasa sebagai pilihan orang ramai untuk mengelakkan kesesakan jalan raya.